

Kos sara hidup semakin meningkat: Suatu penelitian strategik di peringkat makro dan mikro

UB 08.02.2023 P.03

MINDA PENDIDIK

Oleh Prof. Madya Dr. Caroline Geetha, Prof. Madya Dr. Suddin Lada dan Dr. Syahrul Nizam Salam

KOS sara hidup ialah kos kewangan minimum untuk menampung perbelanjaan makanan, perumahan, pakaian dan penjagaan kesihatan pada lokasi dan tempoh masa tertentu. Mengukur kos sara hidup adalah penting kerana membantu penggubal dasar menentukan gaji minimum, pengecualian cukai, faedah insurans, peruntukan subsidi dan juga elaun. Memandangkan kos sara hidup berbeza mengikut lokasi seperti luar bandar dan bandar dan juga berubah mengikut masa, hal ini menjadi ukuran penting yang digunakan untuk rundingan gaji serta penunjuk bagi perancangan keluarga. Kos sara hidup boleh meningkat disebabkan peningkatan permintaan atau gangguan bekalan. Dalam sesetengah kes, kedua-duanya berlaku serentak. Kedua-dua situasi ini mewujudkan kekurangan yang mengakibatkan pening-

katan pada tahap harga umum barangan dan perkhidmatan. Rakyat Malaysia boleh memerangi kenaikan kos sara hidup melalui pelibatan aktif sebagai pemain ekonomi di peringkat makro dan mikro.

Di peringkat makro, peranan yang dimainkan oleh kerajaan akan memberi impak yang besar. Kerajaan perlu memainkan peranan aktif dalam mengawal harga barangan dan perkhidmatan. Sehingga kini, kerajaan telah memperkenalkan harga siling untuk mengawal harga barangan dan perkhidmatan. Kawalan harga seperti harga siling melibatkan subsidi. Walau bagaimanapun, subsidi akan meningkatkan beban kewangan kepada kerajaan dan pembayar cukai. Daripada membayar subsidi untuk mengekalkan harga produk yang rendah, kerajaan boleh memastikan bekalan produk tidak terganggu dengan menggalakkan produk itu dikeluarkan dalam negara. Dasar untuk menggalakkan pengeluaran produk sama ada produk perantara atau produk akhir di dalam negara,

bukan sahaja mengurangkan pergantungan kepada import tetapi tidak akan menyebarkan rakyat Malaysia menghadapi kenaikan harga barang akibat kejutan luar seperti perang, perubahan iklim dan susut nilai dalam kadar pertukaran kita.

Kerajaan juga menyediakan wang tunai atau barangan kepada kategori pendapatan tertentu untuk mengatasi kos sara hidup yang lebih tinggi. Memandangkan peningkatan kos sara hidup dihadapi oleh semua kategori pendapatan, kerajaan harus mengubah strateginya dengan menyediakan dana dan kemahiran untuk barangan itu dikeluarkan pada kos yang lebih rendah di dalam negara. Ini mengurangkan kos pengeluaran barang dan akhirnya menurunkan harga produk. Harga yang kompetitif akan mengurangkan kos sara hidup untuk semua kategori pendapatan. Keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan golongan berpendapatan rendah seperti B40, boleh dikenal pasti isi rumah ini melalui Jabatan Hasil Dalam Negeri dan memberikan

mereka kad catuan. Kad catuan itu akan membolehkan mereka membeli-belah barangan keperluan pada kadar subsidi di kedai-kedai tertentu di seluruh Malaysia. Ini membantu mengurangkan ketirisan ekonomi dan memastikan subsidi disalurkan kepada isi rumah yang betul. Agensi kerajaan yang berkaitan juga harus memantau pengeluaran barangan keperluan terutama barangan makanan agar tidak membentuk kartel atau monopoli yang mana hanya beberapa firma atau satu firma sahaja yang mempunyai kawalan ke atas pengeluaran atau pembekalan barangan tersebut. Jika pengeluaran dijalankan melalui pembentukan kartel atau monopoli, firma akhirnya akan menjadi penentu harga pasaran.

Di peringkat mikro, isi rumah harus peka terhadap kesan gaya hidup ke atas belanjawan mereka. Bermula dengan menjejaki perbelanjaan bulanan untuk menentukan aktiviti yang menggunakan sebahagian besar pendapatan. Wujudkan belanjawan yang realistik dan

boleh dilaksanakan disertai dengan matlamat kewangan jangka pendek untuk dicapai secara kolektif oleh keluarga. Ini akan melibatkan perubahan dalam gaya hidup seperti corak perbelanjaan daripada penggunaan tenaga kepada cara yang lebih berhemah. Menyedari bahawa tiada satu pelan tindakan yang boleh menyelesaikan semua masalah, maka perbincangan dengan ahli keluarga mengenai sumbangan mereka ke arah mencapai matlamat kewangan ini adalah amat dituntut. Libatkan semua ahli dalam keluarga. Ini secara tidak langsung akan mendapat komitmen mereka dalam melaksanakan tindakan tersebut dengan sempurna.

Dari perspektif firma, mereka harus memberi tumpuan kepada cara mengurangkan kos dan membina daya tahan kewangan. Firma harus mengagkses bagaimana kenaikan kos sara hidup memberi kesan kepada perniagaan mereka. Pertama, firma perlu menilai kosnya. Firma tersebut harus mencari alternatif yang boleh membantu mengurangkan kos pengeluarannya. Perbe-

lajaan cenderung terkumpul daripada perkhidmatan yang tidak kerap digunakan, kos operasi seperti penyimpanan inventori, mesyuarat yang mahal dan sebagainya. Kedua, cuba gunakan pembekal domestik untuk membekalkan ramuan dan bahan mentah. Ini akan dapat mengurangkan kos pengangkutan serta keselamatan alam sekitar. Ketiga, mengurangkan penggunaan tenaga dengan beralih kepada kaedah pengeluaran cekap tenaga. Keempat, sokong kakitangan firma anda dalam menghadapi kos sara hidup yang tinggi. Dalam seminggu, berikan mereka alternatif atau lakukan sistem giliran untuk bekerja dari rumah. Ini mengurangkan penggunaan bahan api dan juga menjimatkan alam sekitar daripada pelepasan karbon. Daftar pekerja dengan diskaun korporat di pasar raya atau kedai runcit untuk mengurangkan beban kewangan mereka. Kelima, usaha mengurangkan kos sara hidup juga dapat diperluaskan kepada pelanggan. Memperkenalkan diskaun kesetiaan, ganjaran pulangan tunai, bayaran ansuran bukan

sahaja menyokong pelanggan tetapi juga membantu mewujudkan hubungan yang baik dan berkekalan antara firma dan pelanggannya. Akhir sekali, pertimbangkan untuk meningkatkan kewangan untuk menyuntik kecairan untuk membayar kos overhead, pembekal dan untuk menggunakan teknologi penjimatan kos.

Secara keseluruhannya, mengekang kenaikan kos sara hidup adalah penting dan memerlukan usaha kolektif daripada semua pihak. Jika fenomena ekonomi ini dibiarkan, boleh membawa kepada pergolakan sosial dan politik dalam jangka masa panjang. Oleh itu, setiap peserta dan pemain ekonomi perlu memainkan peranan mereka secara efektif dan kolektif untuk mewujudkan impak yang ketara. Jika Covid 19 dianggap sebagai pandemik kesihatan begitu juga peningkatan kos sara hidup kerana adalah wabak ekonomi.

**Penulis adalah Pensyarah di Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan*